

PELAJARAN 9 : MAKANAN YANG HALAL LAGI BAIK

1. Akibat mengambil makanan yang haram kepada jasmani ialah _____.
 - A. Minda cerdas
 - B. Merosakkan sistem tubuh badan
 - C. Hati menjadi bersih
 - D. Menyihatkan badan
2. Keharusan memilih sesuatu makanan halal bergantung kepada aspek berikut, **kecuali**;
 - A. Ramuan makanan dari sumber syubhah
 - B. Cara memproses makanan mengikut syarak
 - C. Penyediaan makanan yang menepati piawaian syariah
 - D. Cara mendapat makanan
3. Apakah tujuan Islam menyuruh manusia mencari dan mengambil makanan halal lagi baik?
 - A. Untuk berjaya dalam hidup
 - B. Untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT
 - C. Untuk memelihara akal dan badan dari kemudharatan
 - D. Untuk memastikan amalan kita diterima oleh Allah SWT
4. Jelaskan maksud "halalan toyyiba";
 - A. Halal dan haram
 - B. Halal dan berkat
 - C. Halal dan baik
 - D. Halal dan enak
5. Bila dibenarkan mengambil dan memakan makanan yang haram?
 - A. Terlalu lapar dan dahaga
 - B. Dalam keadaan darurat iaitu tiada lagi makanan yang halal dijumpai
 - C. Apabila hidup di negara barat
 - D. Ketika berada di dalam hutan



6. Siapakah yang bertanggungjawab mengeluarkan logo di atas ?
 - A. Jabatan pemakanan
 - B. JAIS
 - C. Jabatan agama bahagian makanan
 - D. JAKIM